



29 Mac 2016

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM LUASKAN PERKHIDMATAN UNIT PEMERIKSAAN BERGERAK KE WILAYAH UTARA DAN SELATAN MULAI APRIL 2016

Shah Alam, Selasa, 29 Mac 2016 – PUSPAKOM akan memperluaskan Perkhidmatan Unit Pemeriksaan Bergerak (Mobile Inspection Unit-MIU) ke Wilayah Utara dan Selatan mulai 1 April 2016 untuk kemudahan dan keselesaan para pelanggan PUSPAKOM. Perkhidmatan khas ini mampu menjimatkan masa dan memudahkan pengusaha-pengusaha kenderaan khususnya seperti pengusaha kenderaan pengangkutan dan logistik dan sebagainya berurus dengan menjalani pemeriksaan kenderaan mereka tanpa perlu mengunjungi cawangan PUSPAKOM.

Perkhidmatan Unit Bergerak PUSPAKOM ini meliputi semua jenis pemeriksaan mandatori (kecuali Pemeriksaan Awalan) yang digariskan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 seperti Pemeriksaan Berkala, Pemeriksaan Khas, Pemeriksaan Tukar Milik dan Pemeriksaan Sukarela yang melibatkan proses pemeriksaan pengesahan nombor enjin dan casis, pemeriksaan bahagian atas dan bawah kenderaan, ujian brek, ujian suspensi dan sebagainya.

Pasukan MIU PUSPAKOM yang terlatih bersama kenderaan unit pemeriksaan bergerak dilengkapi dengan peralatan pemeriksaan kenderaan yang lengkap akan ke lokasi pilihan pemilik kenderaan untuk melakukan pemeriksaan kenderaan ke atas kenderaan pelanggan. Proses pemeriksaan adalah mudah dan cepat serta laporan pemeriksaan akan dikeluarkan serta-merta.

Kadar bayaran pemeriksaan yang dikenakan adalah seperti mengikut ketetapan kadar pemeriksaan semasa iaitu di antara RM20 sehingga RM75 (tidak termasuk 6% GST). Ianya bergantung kepada jenis pemeriksaan dan kenderaan selain caj perkhidmatan berpatutan yang ditetapkan tertakluk kepada jumlah kuantiti kenderaan yang diperiksa, iaitu di antara RM60 sehingga RM90 (tidak termasuk 6% GST) untuk satu pemeriksaan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail, "Kami memahami keperluan pelanggan kami. Justeru, Perkhidmatan Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM kini akan ditempatkan di cawangan PUSPAKOM Mak Mandin (Wilayah Utara) dan Johor Bahru (Wilayah Selatan) sebagai memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang sedia ada. Ianya juga dapat menjimatkan kos dan masa khususnya pengusaha kenderaan perdagangan."



"Pasukan MIU kami boleh mengendalikan lebih kurang 80 pemeriksaan sehari. Para pelanggan hanya perlu menghubungi talian bebas tol MIU PUSPAKOM di 1-800-222-210 untuk membuat temujanji dan pasukan MIU kami akan sampai ke lokasi yang dimaklumkan oleh pelanggan mengikut jadual yang dipersetujui."

"Perluasan perkhidmatan khas MIU ini merupakan satu inisiatif PUSPAKOM dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan sedia ada demi keselesaan para pelanggan. Ianya juga dibuat atas sambutan menggalakkan di operasi MIU yang sedia ada di sekitar Lembah Klang dan Wilayah Timur." tambahnya lagi.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung Perkhidmatan Unit Pemeriksaan Bergerak, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM di 1-800-222-210 atau talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927.

###

JABATAN KOMUNIKASI & KHIDMAT PELANGGAN

PUSPAKOM Sdn Bhd

03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.



Gambar 1: Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan



Gambar 2: Pasukan MIU PUSPAKOM yang terlatih bersama kenderaan unit pemeriksaan bergerak dilengkapi dengan peralatan pemeriksaan kenderaan yang lengkap akan ke lokasi pilihan pemilik kenderaan untuk melakukan pemeriksaan kenderaan ke atas kenderaan pelanggan

